

# KEDUDUKAN KEUSAHAWAN MENURUT ISLAM

## KEDUDUKAN KEUSAHAWANAN ISLAM

Islam sebagai satu agama fitrah kepada manusia sudah tentulah meraikan setiap keperluan insan dalam memakmurkan alam yang diciptakan kepadanya. Secara literalnya, terminologi 'fitrah' adalah merujuk kepada doktrin akidah yang murni. Oleh yang demikian, manusia yang diciptakan Allah mempunyai naluri yang cenderung kepada perasaan beragama. Keperluan agama adalah merupakan sebahagian dari perkara asasi yang dihajati oleh setiap insan. Jika manusia menafikannya sudah tentulah ia jelas berlaku konflik dengan keperluan naluri tabiinya. Fakta dijelaskan oleh al-Quran menerusi firman Allah yang bermaksud:

*“Maka hadapkanlah dirimu ke arah agama yang jauh daripada kesesatan, fitrah Allah yang menciptakan manusia untuk menerimanya, tidak patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu, itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya.”*

(al-Rum: 30)

Malah agama fitrah yang bersendikan kepada doktrin akidah merupakan tunjang kepada sifat kemanusiaan yang suci fitrahnya seperti yang ditegaskan oleh Johari Mat (1992) dalam *al-Akidah al-Islamiyyah li al-Sannah al-Ula*. Menurut Muhammad Asad (1980), fitrah juga dilihat sebagai kecenderungan semulajadi yang telah dianugerahkan oleh Allah kepada manusia. Contohnya, kebolehan

manusia untuk berfikir sama ada betul dan salah, benar dan menyimpang, logik atau sebaliknya dan sebagainya. Bagi tujuan melicinkan perjalanan hidup manusia dalam konteks keharmonian sejagat, Allah SWT telah menyediakan peraturan-peraturan dan undang-undang tertentu kepada manusia untuk diaplikasikan dalam setiap bidang kehidupan. Semua ketentuan yang telah ditetapkan tersebut bukan sahaja perlu dipatuhi kerana ianya akan dinilai oleh Allah SWT kelak.

Justeru, setiap perlakuan manusia perlu diharmonisasikan dengan objektif-objektif yang telah termaktub dalam kitab wahyu supaya diri manusia tersebut bukan sahaja selamat dan sejahtera di alam dunia tetapi juga di alam akhirat. Oleh yang demikian, Islam begitu menghargai penganutnya yang memberikan komitmen untuk mencapai misi dan visi tersebut. Atas alasan inilah, pandangan semesta setiap individu muslim dipengaruhi oleh doktrin wahyu yang bersifat mutlak dan pemutus bagi setiap aktiviti manusia.

Secara prinsipnya, kedudukan keusahawanan dalam Islam diklasifikasikan dalam komponen fardhu kifayah. Kenyataan ini secara eksplisitnya memberi gambaran bahawa ia merupakan satu obligasi yang perlu ditunaikan oleh manusia. Bagaimanapun, tuntutan melaksanakannya dibuat dalam bentuk kelompok masyarakat. Justeru itu, sekiranya aktiviti tersebut dilaksanakan oleh mana-mana individu maka gugurlah tanggungjawab ke atas kelompok masyarakat tersebut. Namun jika tugas tersebut tidak dipenuhi oleh ahli masyarakat terbabit, sudah tentulah liabiliti dosa akan ditanggung oleh masyarakat berkenaan. Pensyariatan aktiviti jual beli atau perdagangan ataupun keusahawanan telah dinukilkan dalam al-Quran sepertimana dijelaskan oleh Allah SWT:

**Maksudnya:** *“...padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba...”*

(al-Baqarah: 275)